



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4,
62100 W.P. PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 5555
Fax : 03-8891 5557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my

Fail: (8) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarih: 25 November 2011

SIARAN MEDIA

PROGRAM JOM RONDA BERSAMA AHLI JEMAAH MENTERI PERINGKAT PARLIMEN ALOR SETAR

ALOR SETAR, 25 NOVEMBER 2011- YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada malam ini merasmikan Program Jom Ronda Bersama Ahli Jemaah Menteri Peringkat Parlimen Alor Setar . Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah dan Jawatankuasa Kuasa Rukun Tetangga Taman Wira Mergong Zon 2.

Chor menerusi ucapannya menyatakan bahawa pelbagai usaha telah dilakukan untuk memastikan keselamatan satu-satu kawasan penempatan. Justeru itu, kaedah yang paling berkesan dalam menjamin tahap keselamatan sesuatu komuniti memerlukan penglibatan menyeluruh masyarakat setempat seperti kerahan tenaga yang dilakukan di zaman silam dan skim rondaan. Menurutny lagi, amalan ini jelas membuktikan bahawa kaedah paling berkesan untuk menjamin Keselamatan satu-satu komuniti, ia menuntut tanggungjawab bersama. Bak Kata pepatah yang berbunyi, "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing", oleh yang demikian penglibatan aktif seluruh pelosok masyarakat bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan seperti pihak Polis Di Raja Malaysia dan lain-lain agensi, akan membolehkan usaha memerangi dan mencegah kegiatan jenayah dilakukan dengan berkesan.

Lantaran menyedari hakikat ini, program yang melibatkan Ahli-Ahli Jemaah Menteri ini telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri . Selaras dengan gagasan 1 Malaysia yang ditekankan oleh beliau, YAB Perdana Menteri berharap pelaksanaan program ini mampu menjadi pemangkin dan landasan untuk rakyat untuk bersama pemimpin Negara, dalam usaha mencegah dan membasmi jenayah di dalam kawasan Rukun Tetangga dan Kawasan Taman-taman perumahan, di samping

menghargai jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam menjaga keamanan di kawasan kejiranan masing-masing.

Chor dengan penuh harapan menyuarakan bahawa program ini akan dapat memberi pendedahan tentang cara kerjasama dan tindakan yang diperlukan daripada masyarakat dalam mencegah unsur dan kejadian jenayah. Seterusnya, langkah ini dijangka dapat merapatkan hubungan dan mewujudkan persefahaman di antara masyarakat dan agensi dan badan pencegahan jenayah seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), badan sukarela seperti RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar Porgam dapat mengumpul idea dan pemikiran setempat tentang cara dan kaedah pencegahan jenayah paling efektif di dalam kawasan Rukun Tetangga.

Masalah jenayah dan gejala sosial sememangnya merupakan masalah sosial yang sentiasa mengancam keharmonian dan keselamatan rakyat. Sehubungan itu, dengan adanya Skim Rondaan Sukarela yang diperkenalkan di dalam kawasan Rukun Tetangga, melalui program ini diyakini mampu maembantu menangani masalah jenayah dan masalah sosial. Tambahan pula ia dapat mewujudkan hubungan perpaduan di kalangan penduduk setempat. Langkah ini ibarat serampang dua mata yang mampu bukan sahaja menurunkan kadar jenayah di kawasan perumahan, malahan dapat mengeratkan lagi silaturahmi dan perpaduan di kalangan penghuni-penghuni.

Seluruh negeri Kedah ini terdapat 140 buah SRS dengan keanggotaannya seramai 4,000 orang. Pasukan Khas Sukarelawan Rukun Tetangga (PKS-RT) ini dianggotai seramai 33 orang Anggota RT dan SRS yang sentiasa berkhidmat membantu mangsa ketika bencana alam. Di Negeri Kedah terdapat lapan pasukan PKS-RT yang dilatih khas untuk memberi sumbangan tenaga mereka semasa berlaku bencana banjir..

Program ini merupakan inisiatif pro-aktif Kerajaan dalam mencegah jenayah dan masalah sosial di kawasan-kawasan perumahan, agar seluruh penduduk dapat menjalani kehidupan harian mereka dengan aman dan tenteram.

Program ini turut dihadiri YB Dato' Paduka Haji Ahmad Bashah bin Md Hanipah (Ahli Dewan Undangan Negeri Bakar Bata), Y.Bhg Dato' Chong Itt Chew (Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Perpaduan Daerah Kota Setar/Padang Terap), Y. Bhg. Dato' Azman Amin bin Hassan (Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri), Yang Dihormati Dato' Ahmad Ibrahim (Ketua Polis Negeri Kedah), Y. Brs. En. Mohd Saidi bin Midin (Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah) Y.Brs. Tuan Haji Awang bin Kechik (Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga, Taman Wira Mergong Zon 2) Ahli-ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga, Para Peronda Skim Rondaan Sukarela (SRS) Seluruh Negeri Kedah

**_*_*_

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my

LAMPIRAN

PROGRAM JOM RONDA BERSAMA AHLI JEMAAH MENTERI

Program ini dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Daerah Kota Setar/Padang Terap dengan kerjasama Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga Taman Wira Mergong Zon 2, dengan objektif untuk:

- Menghargai jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh ahli SRS dalam menjaga keamanan di kawasan kejiranan masing- masing.
- Memberikan pendedahan tentang cara kerjasama dan tindakan yang diperlukan daripada masyarakat dalam mencegah unsur dan kejadian jenayah.
- Merapatkan hubungan dan mewujudkan persefahaman di antara sektor masyarakat dan agensi pencegahan jenayah, khususnya PDRM
- Merapatkan hubungan dan menjalinkan persefahaman di antara beberapa sektor sukarela yang lain yang wujud dalam masyarakat iaitu seperti Rela dan JPAM
- Mengumpulkan idea setempat tentang cara dan kaedah pencegahan jenayah khasnya di Kawasan Rukun Tetangga

KAWASAN RUKUN TETANGGA TAMAN WIRA MERGONG ZON 2

- Ditubuhkan pada 03 Disember 2002
- Anggota AJK RT seramai 19 orang terdiri daripada lelaki/perempuan
- Bergerak aktif di bawah pimpinan Tuan Haji Awang Kechik bin Idris, Pengerusi KRT Taman Wira Mergong Zon 2 bersama-sama Jawatankuasa yang dilantik dari KRT ditubuhkan hingga kini walaupun J/kuasa berubah dari tahun ke tahun memandangkan Jawatankuasa KRT adalah satu Jawatankuasa sukarela.
- KRT ini mengadakan pelbagai program sepanjang tahun merangkumi pelbagai aspek walaupun kewangan amat terhad setiap program yang dilaksanakan. KRT ini tetap bergerak aktif menjalankan program-program yang dirancang.
- Contoh program yang dijalankan di antaranya seperti program gotong royong membersihkan kawasan setempat, aktiviti perpaduan, kelas tuisyen untuk penduduk setempat, program kerohanian untuk penduduk dan Program menjurus kepada kemasyarakatan.

SKIM RONDAAN SUKARELA TAMAN WIRA MERGONG ZON 2

- Di tubuhkan 30 Ogos 2010 dengan anggota seramai 49 orang
- Anggota-anggota SRS pada hingga 21 November 2011 seramai 78 orang
- SRS ini bergerak aktif di bawah pimpinan Encik Mohd Kholid bin Hamid, Pengerusi SRS Taman Wira Mergong Zon 2 dengan melaksanakan tugas menjaga keselamatan di dalam Kawasan Rukun Tetangga.
- Sejak SRS ini ditubuhkan kadar index jenayah di Kawasan Rukun Tetangga menurun.

SENARAI AHLI JAWATANKUASA KRT TAMAN WIRA MERGONG ZON 2

PENGERUSI

Tuan Haji Awang Kechik bin Idris

TIMBALAN PENGERUSI

Encik Alias bin Ahmad

SETIAUSAHA

Encik Ismail bin Ramadan

PENOLONG SETIAUSAHA

Encik Ahmad bin Husin

BENDAHARI

Tuan Hj. Mohamad Hashim bin Mat

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

1. Encik Ahmad bin Abdullah
2. Encik Ismail bin Din
3. Encik Abdullah bin Karim
4. Encik Mohd Kholid bin Hamid
5. Encik Fadzil bin Ibrahim
6. Encik Abdul Karim bin Abdul Rahman
7. Tuan Hj. Salleh bin Hj. Ali
8. Tuan Hj. Abdul Razak bin Darus
9. Encik Babjan bin Zain
10. Puan Hjh Daharah binti Ghani
11. Puan Hjh Kamariah binti Hamid

12. Puan Hjh Balkish binti Ahmad
13. Puan Norlida binti Ismail
14. Puan Hjh Basiram Bibi binti Yaakob
